



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

1/20

## BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA

3  
NEGERI

14  
DAERAH

89  
PPS AKTIF


3,692  
KELUARGA

12,958  
MANGSA

\*15  
KEMATIAN

Data sehingga jam 12.00 tengah hari

\*Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



INDIKATOR MANGSA (ORANG)	
	1 – 1,000
	1,001 – 5,000
	Melebihi 5,000



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

2/20

## PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Johor	Johor Bahru	27	1,532	5,392	Meningkat
	Kluang	19	660	2,259	Menurun
	Pontian	21	557	1,998	Meningkat
	Kulai	8	480	1,779	Meningkat
	Batu Pahat	2	77	205	Menurun
	Kota Tinggi	2	31	110	Menurun
	JUMLAH	79	3,337	11,743	Meningkat
Sabah	Sandakan	1	31	119	Tidak Berubah
	Sipitang	1	31	77	Meningkat
	Keningau	1	18	44	Meningkat
	JUMLAH	3	80	240	Menurun
	Song	1	102	373	Meningkat
Sarawak	Kapit	3	53	244	Meningkat
	Kanowit	1	70	192	Meningkat
	Selangau	1	30	101	Meningkat
	Sibu	1	20	65	Meningkat
	JUMLAH	7	275	975	Meningkat
	JUMLAH KESELURUHAN	89	3,692	12,958	Meningkat

\* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

3/20



## SITUASI TERKINI

- Sehingga 22 Mac 2025, jam 12:00 tengah hari, terdapat 14 daerah di negeri Johor, Sabah dan Sarawak dilanda banjir dengan peningkatan jumlah mangsa kepada 12,958 dalam tempoh 24 jam (berbanding 12,404 mangsa pada 21 Mac 2025). Ia melibatkan 3,692 keluarga yang ditempatkan di 89 Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Jumlah PPS yang dibuka menurun berbanding 108 PPS pada 21 Mac 2025.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas adalah di negeri Johor, iaitu Johor Bahru (5,392 mangsa), Kluang (2,259 mangsa) dan Pontian (1,998 mangsa).
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), 15 kematian telah direkodkan sejak 5 November 2024 yang melibatkan **lapan (8) kematian akibat kejadian banjir**, iaitu tiga (3) di Machang, Kelantan, satu (1) di Kapit, Sarawak, satu (1) di Pasir Puteh, Kelantan, satu (1) di Besut, Terengganu, satu (1) di Tumpat, Kelantan dan satu (1) di Dungun, Terengganu serta **tujuh (7) kematian akibat tanah runtuh**, iaitu lima (5) di Miri, Sarawak dan dua (2) di Hulu Terengganu, Terengganu.



## MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi yang mencatatkan jumlah hujan harian tertinggi pada 21 Mac 2025 adalah Nabawan, Sabah (146.8 mm); Lahad Datu, Sabah (91.4 mm) dan Beluran, Sabah (67.3 mm). Jumlah hujan harian tertinggi pada 21 Mac 2025 daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis terhadap model-model ramalan cuaca terkini, **Iuruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 23 Mac 2025**. Keadaan ini berpotensi menyebabkan **hujan berterusan di Sarawak, Sabah, W.P. Labuan dan timur Semenanjung** serta angin kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan dalam tempoh berkenaan.
- Sehubungan itu, MET Malaysia pada 21 Mac 2025 telah mengemaskini **Amaran Hujan Berterusan (Waspada)** yang melibatkan beberapa daerah di Sabah berkuat kuasa sehingga 22 Mac 2025.
- MET Malaysia pada 19 Mac 2025 juga telah mengemaskini Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan dan Laut Sulu berkuat kuasa sehingga 23 Mac 2025.

- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa cuaca di seluruh negara adalah semakin baik setakat ini kecuali hujan di beberapa tempat di Sarawak dan Sabah. **Taburan hujan terkumpul pada 22 Mac 2025** dari jam 12.00 tengah malam sehingga 9.00 pagi adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sehingga 19 Mac 2025, jam 4:30 petang, **satu (1) Amaran Banjir** telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), iaitu **Amaran Banjir Negeri Johor (berkuat kuasa sehingga 22 Mac 2025)** yang melibatkan daerah Johor Bahru.
- Status aras air semasa sehingga 22 Mac 2025, jam 6:15 pagi yang dikeluarkan oleh JPS adalah seperti di **Lampiran 4**.



## IMPAK

- Bagi tempoh **5 November 2024 hingga 22 Mac 2025**, secara kumulatif seramai **84,277 keluarga** dan **273,099 mangsa** telah ditempatkan di PPS akibat banjir MTL 2024/2025.
- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada **22 Mac 2025** adalah sebanyak **3,692 buah rumah**.
- Berdasarkan **rekod tanah runtuh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** bagi Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 sehingga **21 Mac 2025**, satu (1) kejadian tanah runtuh baharu telah direkodkan di Gelang Patah, Johor. Secara keseluruhan, jumlah kumulatif kejadian tanah runtuh sepanjang MTL 2024/2025 adalah sebanyak **59 kejadian**.
- JMG Negeri akan meneruskan tinjauan di lokasi tanah runtuh yang berlaku dan mengambil tindakan selanjutnya.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga **22 Mac 2025**, jam 8:00 pagi, jumlah premis institusi pendidikan terjejas banjir ialah **111 premis**, iaitu:
  - Sarawak : 99 premis** - 96 sekolah rendah dan 3 sekolah menengah
  - Sabah : 4 premis** - 4 sekolah rendah
  - Johor : 8 premis** - enam (6) sekolah rendah dan dua (2) sekolah menengah
- Terdapat **52 premis institusi pendidikan** dijadikan PPS yang melibatkan **42 sekolah rendah, lapan (8) sekolah menengah, satu (1) kolej vokasional** dan **satu (1) Pusat Kokurikulum**, iaitu:
  - Johor : 49 premis** - 41 sekolah rendah, enam (6) sekolah menengah, satu (1) kolej vokasional dan satu (1) Pusat Kokurikulum.
  - Sabah: 3 premis** - satu (1) sekolah rendah dan dua (2) sekolah menengah.



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

4/20

- Seramai **1,428 orang** terdiri daripada **1,412 murid** dan **16 guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)** berada di **PPS** premis institusi pendidikan di beberapa negeri:
  - **Johor** : 1,322 murid dan 16 guru/ AKP
  - **Sabah** : 90 murid
- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sehingga **21 Mac 2025**, terdapat **12 fasiliti kesihatan** terjejas banjir; iaitu **empat (4) di Johor**: Johor Bahru (3) dan Kota Tinggi (1); **dua (2) di Sabah**: Kudat (1) dan Sandakan (1) serta **enam (6) di Sarawak**: Bintulu (2), Kapit (1) dan Sibu (3). Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas banjir adalah seperti di **Lampiran 5**.
- Daripada jumlah tersebut, sebanyak **sebelas (11) fasiliti kesihatan** telah **beroperasi** manakala **satu (1) pindah operasi**.
- Berdasarkan laporan oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR), 21 Mac 2025, jam 10:00 pagi**, terdapat **17 lokasi** jalan terjejas di negeri **Johor** disebabkan oleh **banjir kilat** yang melibatkan **11 jalan persekutuan** dan **enam (6) jalan negeri**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak JKR berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **21 Mac 2025, jam 10:00 pagi** adalah seperti di **Lampiran 6**.
- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sehingga **22 Mac 2025**, terdapat **258 stesen pemancar telekomunikasi** terjejas akibat banjir di Johor, Sabah dan Sarawak. **253 stesen pemancar komunikasi** telah **kembali pulih** dan **kembali beroperasi**.
- **Enam (6) stesen pemancar komunikasi terkesan di Johor** dengan lima (5) masih tidak beroperasi, iaitu empat (4) di Johor Bahru dan satu (1) di Pontian. Satu (1) stesen telah pulih.
- **77 stesen pemancar komunikasi terkesan di Sabah**, kesemuanya telah pulih dan kembali beroperasi. Daerah yang paling terkesan ialah Beaufort dengan 31 stesen, diikuti Kuala Penyu 13 stesen dan Papar 11 stesen. Kudat dan Pitas masing-masing terkesan dengan empat (4) stesen manakala Kota Marudu mencatatkan tiga (3) stesen. Kota Belud, Telupid, Lahad Datu, dan Keningau masing-masing terjejas dengan dua (2) stesen. Sementara itu, Beluran, Kinabatangan dan Kimanis masing-masing satu (1) stesen.
- **175 stesen pemancar komunikasi terkesan di Sarawak**, kesemuanya telah pulih dan kembali beroperasi. Daerah yang paling terkesan ialah Bintulu dengan 117 stesen, diikuti oleh Miri (19) stesen dan Mukah (10) stesen. Marudi mencatatkan lima (5) stesen terkesan, diikuti Selangau empat (4) stesen, serta Dalat, Matu, dan Sarikei masing-masing dengan tiga (3) stesen. Kuching, Samarahan, dan Sibu masing-masing terjejas dengan dua (2) stesen. Sementara itu, Kanowit, Limbang, Serian, Simunjan, dan Lawas masing-masing hanya mengalami gangguan di satu (1) stesen.

- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada SKMM mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak SKMM dan pemberi perkhidmatan sentiasa berwaspada dan menerima aduan dari orang awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.
- Setakat 21 Mac 2025, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik di negeri Johor seperti di **Lampiran 7** bagi memastikan keselamatan para pengguna setempat.
- Tiada PPS yang terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir.
- Tindakan-tindakan yang telah diambil di daerah yang dilanda banjir ialah pemasangan genset di kawasan yang tiada bekalan elektrik apabila keadaan selamat.
- Pihak TNB akan menutup bekalan elektrik sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keselamatan. Penutupan bekalan elektrik akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kehilangan nyawa.



## PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 8**.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi. Senarai **logistik dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 9**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah **makanan berbungkus (packed food)** dan **(retort food)** untuk tempoh 24 jam pertama.
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah **barang keperluan asas** seperti **toto, pakaian, hygiene kit dan makanan ringan**.



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

5/20

- Tindakan yang telah diambil untuk menambah baik keperluan mangsa banjir ialah mengeluarkan stok keperluan dari Depoh Simpanan Keperluan Bencana di Kawasan *hot spot* seperti keperluan asas dan *Collapsible Tent* (C-Tent), selain sentiasa siaga untuk mengumpulkan C-Tent dari daerah yang tidak terlibat banjir.
- Mangsa banjir yang berada di PPS Johor menerima bantuan makanan seperti makanan *retort* dan pek makanan, serta barang keperluan asas yang diagihkan dari Depoh Barang Bencana Muar dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dengan penambahan stok dilakukan secara berperingkat.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di Lampiran 10.**
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



## MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL **5 November 2024 sehingga 21 Mac 2025**, terdapat **816** pelaporan pergerakan telah direkodkan oleh **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang berdaftar di bawah **Rakan NADMA**. Ia melibatkan penyaluran bantuan seperti makanan dan minuman, kit kebersihan, pakaian, bantuan mencari dan menyelamat, logistik dan keperluan bayi di negeri-negeri yang dilanda banjir. NGO turut menyumbang ahli sukarelawan bagi membantu pelaksanakan kerja-kerja pengagihan bantuan, khidmat pembersihan, mengemas kelas dan sumbangan set *generator*, memasang khemah dan membantu di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- **Operasi Rakan NADMA Emergency Disaster Exercise (RANDEX)**: Misi Ihsan Madani di Negeri Johor telah digerakkan dengan kerjasama NGO Rakan NADMA Negeri Johor di bawah koordinasi JPBD dan JPBN Johor.
- Misi ini menyalurkan bantuan ke beberapa kawasan terjejas, termasuk BeVital yang menyediakan kit kebersihan di Kulai, MRCS yang menawarkan perkhidmatan perubatan di Johor Bahru, serta Yayasan Ikhlas yang memberi sokongan psikososial (PFA) di Kota Tinggi. Selain itu, Kembara Kitchen telah mengagihkan 6,000 pek makanan sedia untuk dimakan (RTE) di Skudai, sementara MyCare dan Yayasan IKRAM Johor membantu dalam pasca pembersihan di Kampung Maju Jaya. Pertubuhan Ihsan Johor turut menyumbangkan bantuan makanan RTE.
- Sehingga 22 Mac 2025, seramai **350 orang sukarelawan RANDEX** telah digerakkan dengan jumlah nilai bantuan melebihi **RM325,000**.



## NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

### • Tip Keselamatan Banjir :

- ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
  - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
  - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
  - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
  - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalgencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

6/20

Lampiran 1

## PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Johor Bahru	1,711,191	610,314	460,669	266	38	44
2.	Kluang	323,762	94,101	81,993	113	28	27
3.	Pontian	173,318	46,692	42,519	97	41	19



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400


22 MAC 2025

7/20

Lampiran 2

## JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI PADA 21 MAC 2025

BIL.	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1.	SABAH	Nabawan	Stesen Pertanian Sapulut	146.8
2.	SABAH	Lahad Datu	Tumunong Hallu	91.4
3.	SABAH	Beluran	Pertanian Beluran	67.3
4.	SABAH	Sandakan	Pertanian Ulu Dusun	60.3
5.	SARAWAK	Sipitang	Stesen Meteorologi Kapit	41.8
6.	SARAWAK	Limbang	Nanga Medamit	26.5
7.	SARAWAK	Pusa	Pusa	24.8
8.	SABAH	Ranau	Pertanian Mesilau	23.1



\* Hanya stesen yang merekodkan hujan melebihi 20.0 mm dipaparkan



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)



<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

8/20

Lampiran 3

## TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 22 MAC 2025 DARI JAM 12.00 TENGAH MALAM HINGGA 9.00 PAGI





# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

9/20

Lampiran 4

## STATUS AIR SEMASA PADA 22 MAC 2025, JAM 6:15 PAGI

2

### STATUS ARAS AIR SEMASA DI JOHOR



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Lenik di Ladang Chaah	Sungai Batu Pahat	Batu Pahat	5	5.5	6	6.26	Bahaya	Menurun
Sg. Kahang di Kg. Contoh	Sungai Endau	Kluang	13.8	14.1	14.5	15.57	Bahaya	Menurun
Sg. Pulai di Kg. Ulu Pulai	Sungai Pulai	Pontian	2.4	2.7	3	3.25	Bahaya	Menurun

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Senggarang di Senggarang	Sungai Senggarang	Batu Pahat	3	3.15	3.5	3.36	Amaran	Tiada Perubahan
Pintu Air Parit Salleh	Sungai Benut	Pontian	2	2.3	3	2.86	Amaran	Tiada Perubahan
Sg. Ayer Hitam di Kg. Paya Embun	Sungai Pontian Besar	Pontian	4.5	5	5.5	5.35	Amaran	Tiada Perubahan
Sg. Johor di Rantau Panjang	Sungai Johor	Kota Tinggi	7.6	8.7	9.8	9.35	Amaran	Menurun



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

10/20

## STATUS AIR SEMASA PADA 22 MAC 2025, JAM 6:15 PAGI

### STATUS ARAS AIR SEMASA DI SABAH



3

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Kalabakan di Kalabakan (RHN)	Sungai Kelabakan	Tawau	2	3	3.99	3.14	Amaran	Menaik
Sg. Kinabatangan di Barek Manis	Sungai Kinabatangan	Kinabatangan	4.5	5.5	6.5	5.55	Amaran	Menaik



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

11/20

## STATUS AIR SEMASA PADA 22 MAC 2025, JAM 6:15 PAGI

4

### STATUS ARAS AIR SEMASA DI SARAWAK

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Kapit New Headworks	Sungai Batang Rajang	Kapit	12.10	14.80	15.30	17.42	Bahaya	Menurun
Kapit Town	Sungai Batang Rajang	Kapit	11.90	14.55	15.30	17.10	Bahaya	Menurun
Kanowit Town	Sungai Batang Rajang	Sibu	4.59	5.09	5.59	6.62	Bahaya	Menurun
Durin Bazaar	Sungai Batang Rajang	Sibu	3.50	4.00	4.50	5.34	Bahaya	Menurun
Sungai Salim B	Sungai Batang Rajang	Sibu	2.65	2.80	3.10	4.32	Bahaya	Menurun
Ulu Sungai Merah	Sungai Batang Rajang	Sibu	2.20	2.29	2.50	2.60	Bahaya	Menurun
Renan Kemiding	Sungai Batang Rajang	Sibu	6.21	7.21	7.71	8.44	Bahaya	Menurun
Nanga Lemai B	Sungai Batang Balingian	Sibu	2.80	3.10	3.80	5.54	Bahaya	Tiada Perubahan
Tubau	Sungai Batang Kemenia	Bintulu	6.20	6.80	7.50	7.75	Bahaya	Menurun
Long Teru	Sungai Batang Baram	Miri	6.00	7.00	8.00	7.61	Amaran	Menaik



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

12/20

## STATUS AIR SEMASA PADA 22 MAC 2025, JAM 6:15 PAGI

5

### STATUS ARAS AIR SEMASA DI SARAWAK



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Express Terminal	Sungai Batang Rajang	Sibu	2.50	2.62	2.90	2.84	Amaran	Menurun
Stapang B	Sungai Batang Oya	Sibu	12.20	13.20	14.20	13.70	Amaran	Menurun
Dalat Wharf	Sungai Batang Oya	Mukah	3.80	4.20	4.68	4.66	Amaran	Menaik
Punan Bah B	Sungai Batang Rajang	Kapit	9.0	10.0	11.0	10.51	Amaran	Menurun
Song B	Sungai Batang Rajang	Kapit	10.59	11.59	12.59	12.23	Amaran	Menurun



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

13/20

## STATUS AIR SEMASA PADA 22 MAC 2025, JAM 6:15 PAGI

### RINGKASAN STATUS ARAS AIR SEMASA

(22 MAC 2025, 6.15 PAGI)



6

NEGERI	ARAS BAHAYA (BILANGAN)	ARAS AMARAN (BILANGAN)
Johor	3	4
Sabah	0	2
Sarawak	10	5
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>11</b>



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

14/20

Lampiran 5

## MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR: KEMAS KINI PADA 21 MAC 2025

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	KATEGORI FASILITI
1	Johor	Johor Bahru	KD Kangkar Tebrau	Pindah Operasi	KK Majidee	KD
2	Johor	Johor Bahru	KD Maju Jaya	Beroperasi	-	KD
3	Johor	Johor Bahru	KD Plentong	Beroperasi	-	KD
4	Johor	Kota Tinggi	KD Batu 4	Beroperasi	-	KD
5	Sabah	Kudat	KK Matunggong	Beroperasi	-	KK
6	Sabah	Sandakan	Kompleks Persekutuan Sandakan	Beroperasi	-	KK
7	Sarawak	Bintulu	KK Sangan	Beroperasi	-	KK
8	Sarawak	Bintulu	KK Nanga Tau	Beroperasi	-	KK
9	Sarawak	Kapit	KK Nanga Mujong	Beroperasi	-	KK
10	Sarawak	Sibu	KK Sungai Arip	Beroperasi	-	KK
11	Sarawak	Sibu	KP Kanowit	Beroperasi	-	KP
12	Sarawak	Sibu	KP Lanang	Beroperasi	-	KP

NOTA: KK = KLINIK KESIHATAN

KD = KLINIK DESA

KP = KLINIK PERGIGIAN



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

15/20

Lampiran 6

## MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR SEHINGGA 21 MAC 2025, JAM 10:00 PAGI

**JKR Malaysia : LAPORAN BENCANA PADA 21/03/2025 @ 10:00 AM**

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
<b>Johor</b>									
1	Johor Bahru	FT003	21.0 - 21.8	20/03/2025	JOHOR BAHRU - ENDAU (PS TEBRAU)		BK		B1
2	Johor Bahru	FT003	9.1 - 10.0	20/03/2025	JALAN JOHOR BAHRU - KOTA TINGI	PASAR BORONG PANDAN	BK		T
3	Johor Bahru	FT01	19.6 - 20.0	20/03/2025	JALAN JOHOR BAHRU - SENAI	U-TURN MBIP HALA KE JB/PINTU MASUK UTM	BK		T
4	Johor Bahru	FT017	10.20 - 10.70	20/03/2025	LEBUHRAYA PASIR GUDANG		BK		B1
5	Johor Bahru	FT017	21 - 21.3	20/03/2025	LEBUHRAYA PASIR GUDANG	BAWAH JAMBATAN SERI ALAM	BK		B1
6	Johor Bahru	J105	5.0 - 5.5	20/03/2025	JALAN MAJU JAYA - SEELONG	SHELL TIONG NAM	BK		B1
7	Johor Bahru	J105	7.0 - 7.5	20/03/2025	JALAN MAJU JAYA - SEELONG	MADRASAH TAHFIZ/TOK WAN CATERING	BK		B3
8	Johor Bahru	J46	2 - 2.3	21/03/2025	JALAN ULU PULAI	WARUNG ABAH/GERAI DURIAN	BK		B3
9	Kluang	FT050	58.3 - 58.3	20/03/2025	Jalan Kluang - Mersing	LADANG SAFARI	BK		B3
10	Kluang	FT050	67 - 67	20/03/2025	Jalan Kluang - Mersing	KG GAJAH	BK		B
11	Kluang	FT050	69 - 69	20/03/2025	Jalan Kluang - Mersing	kilang ayam	BK		B
12	Kluang	FT050	71.00 - 71.00	20/03/2025	Jalan Kluang - Mersing	ladang pakloh	BK		B
13	Kluang	FT050	81.00 - 81.00	20/03/2025	Jalan Kluang - Mersing	PPNJ	BK		B
14	Kulai	16	2.8 - 2.9	20/03/2025	Jalan Lapangan Terbang Sultan Ismail	sebelum susur second link	BK	Lebuhraya Senai/Laluan 1	B



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

16/20

## MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR SEHINGGA 21 MAC 2025, JAM 10:00 PAGI

BIL.	DAERAH	NO. LALUAN	SEKSYEN	TARIKH KEJADIAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN (Landmark)	JENIS KEJADIAN	JALAN ALTERNATIF	STATUS LALUAN
15	Kulai	J02	5 - 5.2	20/03/2025	N/A		BK		B3
16	Kulai	J08	12 - 12.1	20/03/2025	JALAN ULU TEBRAU - SG TIRAM		BK		B3
17	Kulai	J08	8.0 - 8.5	20/03/2025	JALAN ULU TEBRAU - SG TIRAM		BK		T

PETUNJUK	
Jingga	Status Baru(Pindaan Status Lalu)
Kuning	Status Baru(Pertambahan Kejadian)
Merah	Jalan Persekutuan
Biru	Jalan Negeri

AKRONIM JENIS JALAN	
B	Banjir
BK	Banjir Kilat
JM	Jalan Mendap
JR	Jalan Runtuh
CR	Cerun Runtuh
JBTR	Jambatan Rosak / Runtuh

AKRONIM STATUS JALAN	
T	Jalan ditutup
B	Jalan dibuka sepenuhnya
B1	Jalan dibuka satu lorong sahaja
B2	Jalan dibuka kepada kenderaan ringan sahaja
B3	Jalan dibuka kepada kenderaan berat sahaja

Disediakan Oleh:  
Bilik Gerakan Bencana (BiGBen)  
Ibu Pejabat, JKR Malaysia



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

17/20

Lampiran 7

## PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI BEBERAPA PENCAWANG ELEKTRIK SEHINGGA 21 MAC 2025

NEGERI	DAERAH	KAWASAN
Johor	Kulai	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Sepakat Baru</li></ul>
	Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lee Plantation</li><li>• Kampung Pasir Tebrau</li><li>• Kompleks Sukan Bukit Mutiara</li><li>• Desa Mutiara</li><li>• Kampung Paya Kenangan</li><li>• Taman Jaya</li><li>• Skudai Parade</li><li>• Kangkar Tebrau</li><li>• Kilang Ata</li><li>• Taman Ulam Raja</li><li>• Sekolah Kebangsaan Kampung Maju Jaya</li><li>• Tunai Setia</li><li>• Tampoi Indah</li><li>• Tampoi Utama</li><li>• Kondo Arona</li><li>• STP Tampoi Indah</li></ul>



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

18/20

Lampiran 8

## PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

KATEGORI PPS	BIL. PPS	%
SEKOLAH	5,063	60
BALAIRAYA / DEWAN	2,457	29
MASJID / SURAU	572	6
PUSAT KOMUNITI SETEMPAT / LAIN-LAIN	389	5
<b>JUMLAH</b>	<b>8,481</b>	<b>100</b>

NEGERI	JENIS PUSAT PEMINDAHAN				JUMLAH
	SEKOLAH	BALAIRAYA / DEWAN	MASJID / SURAU	PUSAT KOMUNITI / LAIN-LAIN	
JOHOR	767	313	33	26	1,139
KEDAH	538	119	124	11	792
KELANTAN	314	45	47	42	448
KUALA LUMPUR	52	52	3	30	137
LABUAN	1	28	0	0	29
MELAKA	317	49	1	1	368
NEGERI SEMBILAN	139	76	3	4	222
PAHANG	429	359	66	28	882
PERAK	833	196	19	3	1,051
PERLIS	104	15	2	0	121
PULAU PINANG	296	58	23	23	400
SABAH	90	171	13	58	332
SARAWAK	259	274	27	97	657
SELANGOR	701	408	33	12	1,154
TERENGGANU	223	294	178	54	749
<b>JUMLAH</b>	<b>5,063</b>	<b>2,457</b>	<b>572</b>	<b>389</b>	<b>8,481</b>



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

19/20

Lampiran 9

## LOGISTIK DAN FASILITI PENYIMPANAN BANTUAN BENCANA

BIL.	NEGERI	DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA (DSKB)	STOR NEGERI	STOR DAERAH	MINI DEPOH / KONTENA	PANGKALAN HADAPAN
1.	Perlis	-	1	-	-	1
2.	Kedah	1	-	6	7	-
3.	Pulau Pinang	-	-	5	2	2
4.	Perak	-	1	13	9	-
5.	Selangor	1	-	12	2	37
6.	Kuala Lumpur	-	1	1	1	-
7.	Negeri Sembilan	-	2	7	-	-
8.	Melaka	-	1	3	4	-
9.	Johor	1	1	10	3	23
10.	Pahang	1	1	11	14	156
11.	Terengganu	1	-	9	13	150
12.	Kelantan	1	-	17	5	160
13.	Sarawak	1	-	12	3	27
14.	Sabah	1	1	21	5	5
15.	Labuan	-	-	1	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>	<b>9</b>	<b>128</b>	<b>68</b>	<b>561</b>



# LAPORAN HARIAN BENCANA #19

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

22 MAC 2025

20/20

Lampiran 10

## JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	SABAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	48	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	21	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	25	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	11	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 2, LAIN-LAIN: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	18	-
2.	SARAWAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	268	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 12, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	51	BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	28	4x4/SUV/VAN: 5, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 3, MOTOKAR: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	75	4x4/SUV/VAN: 11, AMBULAN/EMRS: 1, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	44	-
3.	JOHOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	120	4x4/SUV/VAN: 18, BOT: 11, LORI/FRT/LFRT: 6, MOTOSIKAL: 16
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	142	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	293	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 3, MOTOKAR: 12
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	158	4x4/SUV/VAN: 8, AMBULAN/EMRS: 5, LORI/FRT/LFRT: 21,
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	99	-